

Cruise Sungai Klang mampu 'buka' mata masyarakat

BAGI mewujudkan kesedaran terhadap rakyat, pihak berkuasa tempatan (PBT) dengan kerjasama Persatuan Nelayan Sungai Klang menawarkan cruise yang memberi peluang untuk melihat pemandangan menyelusur sungai sejak November lalu.

Pengurus Cruise Sungai Klang, Satarudin Kamal yang juga menganggotai Persatuan Nelayan-nelayan Sungai Klang berkata, keadaan sampah di sungai itu masih tidak berubah sepanjang dua bulan mengusahakan program bagi menarik pelancong itu.

Jelasnya, himpunan sampah yang banyak dapat dilihat ketika air pasang dan apabila air surut, ia akan tersangkut di hutan paya bakau disebabkan bentuk geografi sungai yang berliku.

"Perangkap sampah sedia ada yang dipasang seolah-olah tidak berfungsi kerana apabila sampah diperangkap terkumpul dan kemudian air pasang, sampah berkenaan akan melepaskannya dan dibawa ke muara sungai.

"Sampah-sampah berkenaan dibawa air dari kawasan atas Lembah Klang dan Ampang dan kita terpaksa menanggung sampah yang turun ke muara Sungai Klang," katanya.

Sukarela sedia bot kaut sampah

Bagaimanapun, beliau melahirkan matlamat persatuannya mewujudkan Cruise Sungai Klang adalah bertujuan membuka mata dan mendidik



Jika pencemaran Sungai Klang dapat diatasi, sudah tentu pendapatan golongan nelayan akan bertambah.

masyarakat dan pihak terlibat menangani kepentingan menjaga Sungai Klang.

"Dari sisi positif Sungai Klang ini, kita akan dapat melihat ada yang boleh diketengahkan menjadi daya tarikan antaranya pemandangan tempat bersejarah di Klang," katanya.

Dalam pada itu, pihaknya menyediakan perkhidmatan bot untuk memerangkap sampah dan mengajak pihak tertentu berganding bahu membersihkan Sungai Klang.

Beliau dalam pada itu mengakui, sampah di



Sampah di Sungai Klang boleh mengakibatkan kerosakan pada enjin bot dan kesukaran untuk mengawal banjir.

Sungai Klang terlalu banyak dan mustahil untuk diselesaikan dalam waktu singkat.

Punca Sungai Klang tercemar

Menurut sumber laman rasmi Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) Selangor, Selangor telah memilih Sungai Penchala bagi program Satu Negeri Satu Sungai (1N1S).

Sungai Penchala adalah sungai yang mengalir melalui kawasan bandar, industri dan kawasan taman-taman perumahan di Daerah Petaling se-

terusnya akan memasuki Sungai Klang dan merupakan antara penyumbang utama pencemaran terhadap sungai itu.

Jika kualiti air Sungai Penchala dapat dipulihkan, secara tidak langsung, kualiti air Sungai Klang akan dapat dipertingkatkan.

Keadaan sungai yang tercemar boleh mengundang malapetaka khususnya kepada masyarakat setempat kerana keadaan sungai yang tidak terurus akan menyebabkan kawalan banjir tidak dapat dilaksanakan secara sempurna.